A JAYAGOPAL

lwn.

SUBRAMANIAM KUPPUSAMY & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
ZAINAL ADZAM H
[SAMAN PEMULA NO: 24-617-2006]
20 SEPTEMBER 2006

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Injunksi sementara - Permohonan untuk menghalang Mesyuarat Agung Tahunan Kuil - Sama ada pemohon mempunyai locus standi membuat permohonan - Sama ada pemohon menggunakan remedi alternatif yang sedia ada sebelum membuat permohonan - Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966, s. 40 - Perlembagaan Persatuan, fasal 21*

Ini merupakan satu permohonan plaintif untuk perintah injunksi sementara terhadap defendan-defendan untuk menghalang mereka mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Kuil Sri Mariamman Devasthanam Alor Setar, Kedah sehingga penyelesaian saman pemula ini. Isunya adalah sama ada plaintif mempunyai *locus standi* membuat permohonan ini.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Fasal 21 Perlembagaan Persatuan memperuntukkan bahawa sesuatu pertikaian perlu terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan. Jika tidak dapat diselesaikan, pertikaian tersebut mestilah dikemukakan kepada Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas. Keputusan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas atas pertikaian tersebut adalah muktamad dan tidak boleh dirujuk kepada mana-mana pihak seperti Pendaftar Pertubuhan atau mahkamah tanpa mendapat sokongan 2/3 daripada ahli-ahli Persatuan yang layak mengundi. (perenggan 4)

(2) Fasal 21 Perlembagaan Persatuan selaras dengan s. 40 Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966. Mengikut s. 40 tersebut, sama ada plaintif masih merupakan ahli persatuan tersebut atau telah dibatalkan keahliannya, plaintif dikehendaki menyelesaikan pertikaiannya dengan defendan-defendan mengikut sepertimana diarahkan oleh peraturan-peraturan pertubuhan tersebut dan keputusan yang dibuat mengikut peraturan-peraturan itu adalah

A muktamad dan terikat kepada kedua-dua pihak. Yang penting lagi, peruntukan tersebut menyatakan bahawa keputusan tidak boleh dirujukkan kepada mana-mana mahkamah atau dihalang melalui perintah injunksi. Oleh yang demikian, dalam permohonan ini plaintif jelas tidak ada *locus standi* dan B mahkamah tidak boleh melayani permohonan ini. (perenggan 5 & 6)

(3) Fakta mengenai kegagalan plaintif merujukkan pertikaiannya kepada badan-badan berkenaan serta kedudukan plaintif sama C ada masih ahli persatuan tersebut atau telah dibatalkan keahliannya semasa membuat permohonan ini merupakan perkara-perkara penting dan relevan untuk mahkamah mempertimbangkan untuk membuat keputusan ke atas permohonan perintah injunksi ini. Kegagalan plaintif D mendedahkan perkara-perkara tersebut merupakan satu halangan bagi mahkamah untuk menimbang dan membenarkan permohonan bagi perintah injunksi plaintif ini. (perenggan 7)

(4) Oleh kerana s. 40 Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966 merupakan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang E bagi plaintif mendapatkan penyelesaian ke atas aduan-aduannya, plaintif dikehendaki di sisi undang-undang menggunakan cara atau remedi tersebut sepenuhnya sebelum, sekiranya atas sebab-sebab tertentu, ingin membuat apa-apa rujukan kepada mahkamah. Plaintif tidak membuat sedemikian. F Ini dianggap sebagai satu penyalahgunaan proses mahkamah. Di sisi undang-undang ianya menjadi penghalang kepada plaintif untuk mendapat perintah injunksi daripada mahkamah. (perenggan 8)

G **Kes-kes yang dirujuk:**

Eshah Sa'at v. Meriam Sa'at [1975] 2 MLJ 97 ***(dirujuk)***

Leisure Farm Corporation Sdn Bhd v. Syarikat Kemajuan Kim Yon Sdn Bhd [1990] MLJ 44 ***(dirujuk)***

Lim Sung Huak v. Syarikat Pemaju Tanah Tikam Batu Sdn Bhd [1994] 1 CLJ 265 HC ***(dirujuk)***

H

Manggai v. Government of Sarawak [1970] 2 MLJ 41 ***(dirujuk)***

Sarkawi Sadijo v. BMG Musir (M) Sdn Bhd [1996] 4 MLJ 515 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Penal Code, ss. 447, 506

I Societies Act 1966, ss. 9(a), (b), 40, 94(1)(b)

Plaintif hadir sendiri A
Bagi pihak defendan-defendan - G Balakrishnan; T/n Thomas, Bala & Assoc

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

B

PENGHAKIMAN

Zainal Adzam H:

[1] Plaintif telah membuat permohonan (kandungan 39) dengan perakuan segera untuk satu perintah injunksi sementara terhadap defendan-defendan untuk menghalang defendan-defendan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Kuil Sri Maha Mariamman Devasthanam, Alor Star, Kedah pada 22 September 2006 sehingga penyelesaian saman pemula ini. Mengikut affidavit sokongan plaintif bagi permohonan ini alasan-alasannya adalah, dengan ringkas, bahawa defendan-defendan yang merupakan Pegawai-Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Persatuan yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada 13 Mei 2005 dan enam orang antara defendan-defendan merupakan orang-orang yang telah digantung keahlian mereka; maka mereka tidak layak memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan. C D E

[2] Plaintif juga mendakwa bahawa kes ini telah dilambatkan dan keputusan bantahan awal masih belum dibuat. Plaintif percaya defendan-defendan oleh yang demikian tidak patut mengadakan Mesyuarat Agung sehingga penyelesaian kes ini. Ekshibit yang dikemukakan merupakan salinan surat untuk mengadakan Mesyuarat Agung itu dan mengikut aturcara dalam surat itu defendan-defendan hendak meminda Perlembagaan secara penuh. Dalam penghujahannya plaintif telah membangkit beberapa isu tetapi saya berpendapat bahawa permohonan ini boleh diselesaikan atas satu isu pokok sahaja, iaitu atas isu *locus standi* plaintif. F G

[3] Pihak defendan-defendan telah melalui affidavit (kandungan 27) menyatakan bahawa plaintif telah pada 10 Julai 2003 disabitkan dan dihukum denda RM2,000 tiap-tiap satu bagi 2 pertuduhan dibawah s. 506 dan 447 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Majistret, Alor Star. Salinan-salinan kertas pertuduhan dan nota keterangan mahkamah berkenaan juga dilampirkan. Juga pihak defendan-defendan telah mengemukakan salinan surat daripada Pendaftar Pertubuhan Malaysia bertarikh 13 Ogos 2004 yang kepada plaintif yang menyatakan bahawa atas sabitan-sabitan berkenaan plaintif "secara automatik" hilang kelayakan untuk H I

memegang jawatan di dalam mana-mana pertubuhan berdaftar mengikut s. 94(1)(b) Akta Pertubuhan 1966. Surat tersebut juga mengarahkan plaintif meletakkan jawatan sebagai setiausaha di dalam Pertubuhan berkenaan dan jika plaintif gagal berbuat demikian tindakan di bawah s. 9(a)(6) Akta tersebut diambil terhadap plaintif.

[4] Berasaskan latar belakang sedemikian, persoalannya ialah, apakah kedudukan plaintif di sisi undang-undang? Pihak defendan-defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak mempunyai *locus standi* memfailkan saman pemula ini kerana plaintif telah gagal mematuhi fasal 21 Perlembagaan Persatuan. Dengan ringkas fasal berkenaan memperuntukkan bahawa sesuatu pertikaian perlu terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan. Jika tidak dapat diselesaikan pertikaian tersebut mestilah dikemukakan kepada Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas. Keputusan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas atas pertikaian tersebut adalah muktamad dan tidak boleh dirujuk kepada mana-mana pihak seperti Pendaftar Pertubuhan atau mahkamah tanpa mendapat sokongan 2/3 daripada ahli-ahli Persatuan yang layak mengundi. Peruntukan tersebut nampaknya amat jelas.

[5] Selain daripada itu saya dapati bahawa fasal 21 tersebut selaras dengan s. 40, Akta Pertubuhan-Pertubuhan 1966 yang memperuntukkan sedemikian:

> 40(1) A dispute between:
>
> (a) a member or subscriber or person claiming through a member or a subscriber or under the rules of a registered society and the society or an office-bearer thereof; and
>
> (b) any person aggrieved who has ceased to be a member of a registered society or any person claiming through such aggrieved and the society or an office-bearer thereof,
>
> shall be decided in the manner directed by the rules of the registered society; and the decision so given shall be binding and conclusive on all parties without appeal, and shall not be removable to any court or restrainable by injunction; and application for the enforcement thereof may be made to a Sessions Court ...

[6] Mengikut peruntukan tersebut, sama ada plaintif masih merupakan ahli Persatuan tersebut atau telah dibatalkan keahliannya, plaintif dikehendakki menyelesaikan pertikaiannya dengan defendan-defendan mengikut sepertimana diarahkan oleh Peraturan-Peraturan Pertubuhan tersebut dan keputusan yang dibuat mengikut Peraturan-Peraturan itu adalah muktamad dan terikat kepada kedua-dua pihak. Yang penting lagi, peruntukkan menyatakan bahawa keputusan tersebut tidak boleh dirujukkan kepada mana-mana mahkamah atau dihalang melalui perintah injunksi. Oleh yang demikian, dalam permohonan ini plaintif jelas tidak ada *locus standi* dan mahkamah tidak boleh melayani permohonan ini. Isu ini sahaja sudah memadai untuk permohonan plaintif ditolak dengan kos.

[7] Daripada apa dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa fakta mengenai kegagalan plaintif merujukkan pertikaiannya kepada badan-badan tersebut serta kedudukan plaintif sama ada masih ahli Persatuan tersebut atau telah dibatalkan keahliannya semasa membuat permohonan ini merupakan perkara-perkara penting dan relevan untuk mahkamah mempertimbangkan untuk membuat keputusan ke atas permohonan perintah injunksi ini. Kegagalan plaintif mendedahkan perkara-perkara tersebut merupakan satu halangan bagi mahkamah untuk menimbang dan membenarkan permohonan bagi perintah injunksi plaintif ini. Prinsip ini telah diulangkan oleh mahkamah dalam banyak kes. (*Leisure Farm Corporation Sdn. Bhd v. Syarikat Kemajuan Kim Yon Sdn. Bhd.* [1990] MLJ 44; *Lim Sung Huak v. Syarikat Pemaju Tanah Tikam Batu Sdn. Bhd.* [1994] 1 CLJ 265; dan *Sarkawi Sadijo v. BMG Musir (M) Sdn. Bhd.* [1996] 4 MLJ 515).

[8] Selain daripada itu, oleh kerana s. 40 merupakan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi plaintif mendapatkan penyelesaian ke atas aduan-aduannya, pihak plaintif dikehendaki di sisi undang-undang menggunakan cara atau remedi tersebut sepenuhnya sebelum, sekiranya atas sebab-sebab tertentu, ingin membuat apa-apa rujukan kepada mahkamah. Dalam kes ini plaintif tidak terlebih dahulu merujukkan pertikaiannya kepada Jawatankuasa Pertubuhan, Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Khas Pertubuhan dan membenarkan keputusan dibuat oleh badan-badan tersebut sebelum memfailkan permohonan di mahkamah. Tindakan plaintif sedemikian boleh dianggap sebagai satu penyalahguna proses mahkamah. Di sisi undang-undang ianya

menjadi penghalang kepada plaintif untuk mendapatkan perintah injunksi daripada mahkamah. Mahkamah Persekutuan telah dalam satu permohonan perintah pengisytiharan di mana prinsip-prinsip yang sama terpakai bagi permohonan perintah injunksi, menyatakan kedudukannya dalam kes *Manggai v. Government of Sarawak* [1970] 2 MLJ 41, 44:

> It is settled law that the court will not make a declaratory judgment where an adequate alternative remedy is available (see *Halsbury's Law of England,* 3rd edition, volume 22, pg. 749, paragraph 1611). To quote but a few authorities in support of that proposition, Lord Herschell said in *Barraclough v. Brown* [1897] AC 615, 620:
>
> > It was argued for the appellant that, even if not entitled to recover the expenses by action in the High Court, he was, at all events, entitled to come to that court for a declaration that on the true interpretation of the statute he had a right to recover them. It might be enough to say that no such case was made by the appellant's claim. But, apart from this, I think it would be very mischievous to hold that when a party is compelled by statute to resort to an inferior court he can come first to the High Court to have his right to recover – the very matter relegated to the inferior court – determined. Such a proposition was not supported by authority, and is, unsound in principle.
>
> In *Pasmore v. The Oswaldtwistle Urban District Council* [1898] AC 387, 394 Earl of Halsbury LC said:
>
> > ... The principle that where a specific remedy is given by a statute, it hereby deprives the person who insists upon a remedy of any other form of remedy than that given by the statute, is one which is very familiar and which runs through the law.
>
> In the more recent case of *Wilkinson v. Barking Corporation* [1948] 1 KB 721, 724 Asquith LJ said:
>
> > ... It is undoubtedly good law that where a statute creates a right and, in plain language, gives a specific remedy or appoints a specific tribunal for its enforcement, a party seeking to enforce the right must resort to that remedy or that tribunal, and not to others. ...

Hakim Abdul Razak dalam kes *Eshah bt. Sa'at v. Meriam bt. Sa'at* [1975] 2 MLJ 97, 98 pula telah menyatakan kedudukannya sedemikian:

> ... In my respectful view, the plaintiff's action in seeking a declaration before the court although her remedy lies elsewhere in an abuse of the process of the court ...

[9] Berasaskan perkara-perkara sepertimana saya telah nyatakan di atas, permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah injunksi ini ditolak dengan kos.